

BULETIN ALUMNI

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER



MENARIK DALAM EDISI INI:

- DR. AMYRUL AZUAN GRADUAN TERMUDA PHD UTEM (M/S 5)
- AKADEMI INSPIRASI 2021 (M/S 11)
- UTEM MEREALISASIKAN INISIATIF PENJANA (M/S 20)
- MUHAMMAD HAFIZUDDIN DINOBAT SEBAGAI PENERIMA ANUGERAH KHAS HUFFAZ PROFESIONAL UTEM 2022 (M/S 28)

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka
 Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal
 Melaka
 Tel: +606-2702771
 Faks: +606-2701045
 Emel: fkekk@utem.edu.my
 portal/fkekk.utem.edu.my



SENARAI KANDUNGAN

03

Kata Akuan Dekan FKEKK

04

Kata Akuan TDPP FKEKK

05

Dr. Mohd Amyrul Azuan Graduan PhD Termuda UTeM

06

Sesi Perbincangan Bersama Panel ETAC Sempena Lawatan Akreditasi Program DEN FKEKK

10

Industry-Ready Graduate Talent

11

Akademia Inspirasi 2021

14

Bengkel Bersama Panel Penasihat Industri (IAP), Pemeriksa Luar, dan Alumni FKEKK

16

Kenali Alumni FKEKK

18

Norma Baharu '*ST IoT Challenge*'

19

Projek Penanaman Terung Fertigasi Yoshii-FKEKK

20

UTeM Merealisasikan Inisiatif PENJANA

22

Virtual Mini INOTEK 2021

25

Konvokesyen UTeM ke-17

28

Muhammad Hafizuddin Dinobat Sebagai Penerima Anugerah Khas Huffaz Profesional UTeM 2022

30

Usrah Nurani FKEKK 2.0 (Alumni Ramadhan)

33

Apa Kata Alumni FKEKK

37

Salam Takziah

Senarai Editor:

Ts. Dr. Siti Fatimah Binti Sulaiman (Penyelaras)

Ts. Dr. Muhammad Noorazlan Shah Bin Zainudin

Ir. Ts. Dr. Anuar Bin Jaafar

Ts. Dr. Maizatul Alice Binti Meor Said

Dr. Norazlina Binti Abd Razak

Dr. Norbayah Binti Yusop

Adie Bin Mohd Khafe

Kata Aluan Dekan FKEKK

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Para Alumni FKEKK yang di kasihi sekalian,

Alhamdulillah, syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah serta rahmatNya, kita diberikan kesempatan untuk bersama-sama menyaksikan kelahiran sulung Buletin Alumni FKEKK untuk tahun 2022 ini. Buat pengetahuan semua alumni, FKEKK telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2000, dan sehingga ke hari ini, FKEKK telah melahirkan seramai 5,231 graduan dalam pelbagai bidang kepakaran, terutamanya dalam bidang elektronik. Saya pasti semua Alumni FKEKK turut berasa bangga dengan pencapaian FKEKK serta UTeM pada hari ini. Kejayaan yang dikecapi ini tidak dapat dinafikan adalah hasil sumbangan semua pihak, termasuklah Alumni FKEKK sendiri.

Terima kasih saya ucapkan kepada semua Alumni FKEKK. Justeru, pihak FKEKK mengambil inisiatif untuk menerbitkan Buletin Alumni FKEKK bertujuan untuk mengarkibkan semua aktiviti dan program yang telah dijalankan bersama Alumni FKEKK, sama ada di peringkat program, atau fakulti, sebagai pengiktirafan dan inspirasi bagi menggalakkan alumni untuk kembali pulang dan seterusnya mencurahkan bakti kepada FKEKK. Di kesempatan ini, saya berharap para alumni dapat menyambut baik jempunan untuk menyumbang kepada fakulti, tidak kira dalam bentuk kepakaran, idea, tenaga, mahupun kewangan. Semoga usaha-usaha murni sebegini dapat membantu meningkatkan pencapaian FKEKK ke peringkat yang tinggi, di samping mengekalkan jalinan ukhwah sesama kita.

Sekali lagi, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Alumni FKEKK yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi memastikan kelahiran Buletin Alumni FKEKK (Edisi 1) ini dapat direalisasikan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Alumni FKEKK yang sentiasa memberikan sokongan kepada pihak fakulti, setiap kali adanya program dan aktiviti di FKEKK. Semoga Allah SWT membalas setiap jasa dan kebaikan para alumni sekalian.

Sekian, terima kasih.

Prof. Madya Dr. Masrullizam Bin Mat Ibrahim
Dekan

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



Kata Aluan TPPP FKEKK



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera kepada warga kampus UTeM, khususnya kepada para Alumni, pelajar dan staf FKEKK. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama berhimpun bagi meraikan penerbitan karya sulung Buletin Alumni FKEKK (Edisi 1).

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Penyelaras Jawatankuasa Alumni & Kebolehpasaran FKEKK serta Ahli Jawatankuasa yang lain kerana sesungguhnya tanpa bantuan dan sumbangan daripada kalian, penerbitan ini tidak dapat diteruskan dengan jayanya. Tidak dilupakan, sumbangan berupa buah fikiran yang bernas daripada warga FKEKK juga amatlah dihargai sepanjang penghasilan buletin ini.

Sehingga kini, kita masih belum mampu menarik nafas lega berikutan penularan wabak Covid-19 yang melanda negara. Namun, dalam menghadapi situasi yang amat mencabar, hal tersebut tidak melumpuhkan semangat serta aktiviti yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi kehendak serta keperluan para pelajar dan para Alumni. Kita perlu bersama-sama menggembelng tenaga dalam membantu merealisasikan matlamat serta memastikan hubungan di antara Alumni dan warga FKEKK terus kekal utuh dalam membangunkan serta meletakkan FKEKK dan UTeM di persada dunia.

Kita juga mampu melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan para Alumni walaupun berdepan dengan situasi yang amat mencabar kini. Dengan terbitnya edisi sulung buletin ini, segala aktiviti, inisiatif, kejayaan serta buah fikiran yang dapat dikongsikan antara warga kampus dan Alumni dapat direalisasikan secara meluas dan terbuka. Sehubungan dengan itu, saya mengharapkan agar hubungan erat di antara Alumni dan warga FKEKK akan tetap kukuh dalam menjayakan serta membantu universiti menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi serta berkemahiran tersedia mengikut arus peredaran semasa yang kian mencabar.

Akhir kalam, saya dengan dengan penuh rendah hati ingin merakamkan sekali lagi jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi penerbitan buletin ini. Segala jasa serta sumbangan kalian, amatlah saya hargai. Semoga kita berjumpa lagi pada edisi akan datang dengan tindakan yang lebih strategik dan mampan.

Sekian, terima kasih.

Ts. Dr. Muhammad Noorazlan Shah Bin Zainudin
Timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar)
 Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

DR. MOHD AMYRUL AZUAN GRADUAN PHD TERMUDA UTEM


PENULIS: TS. DR. MUHAMMAD NOORAZLAN SHAH BIN ZAINUDIN

Usia bukanlah penghalang sesuatu kejayaan. Tanpa usaha dan komitmen, kejayaan pasti tidak akan hadir. Pada tahun 2017, FKEKK telah berjaya mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila berjaya melahirkan graduan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) termuda pada Majlis Konvokesyen UTeM ke-13, yang berlangsung di Dewan Canselor, UTeM.



Mohd Amyrul Azuan telah menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Tanpa Wayar), dari FKEKK UTeM pada tahun 2014. Sebaik sahaja selesai pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda, Mohd Amyrul Azuan kemudiannya ditawarkan untuk menyambung pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektronik di FKEKK UTeM melalui program pertukaran. Berkat kesabaran dan kesungguhan, beliau telah berjaya menyelesaikan pengajian peringkat PhD hanya dalam masa tiga tahun. Mohd Amyrul Azuan telah berjaya bergelar 'Dr.' pada tahun 2017, pada usia beliau 26 tahun. Beliau kini merupakan seorang Jurutera Aplikasi Platform Perkakasan (Hardware Platform Application Engineer) di Intel Microelectronics Sdn. Bhd.

"Mohd Amyrul Azuan telah berjaya bergelar 'Dr.' pada tahun 2017, pada usia beliau 26 tahun."



SESI PERBINCANGAN BERSAMA PANEL ETAC SEMPENA LAWATAN AKREDITASI PROGRAM DEN FKEKK

PENULIS: ADIE BIN MOHD KHAFAE




Pada 19 dan 20 Mei 2021 yang lalu, FKEKK telah menerima satu Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Secara Dalam Talian (Virtual Accreditation Visit-VAV) dari pihak Engineering Technology Accreditation Council (ETAC), sebuah badan akreditasi di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk memohon pengiktirafan bagi program Diploma Kejuruteraan Elektronik (DEN) FKEKK.





Sepanjang lawatan tersebut, Panel Penilai yang telah dilantik oleh pihak ETAC turut mengadakan lawatan secara maya ke beberapa bilik kuliah dan makmal-makmal di FKEKK. Tujuan lawatan ke bilik kuliah dan makmal ini adalah untuk meninjau kemudahan fasiliti yang telah disediakan oleh pihak FKEKK bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk program DEN, khususnya.



Selain itu, sesi temubual secara maya di antara Panel Penilai ETAC dan beberapa staf Jabatan Pengajian Diploma, pelajar DEN, dan Alumni DEN turut di adakan. Jadual 1 merupakan senarai 8 orang alumni dari program DEN yang terlibat untuk sesi temubual secara maya bersama Panel Penilai ETAC.

Jadual 1

Nama	Jawatan	Organisasi	Kohort Alumni
Eric Law Chee Yong	Electrical Engineer	Penfabric Mill 4 Sdn Bhd	2013/2014
Quah Swee Liin	IP Logic Design Engineer	Intel PG14	2013/2014
Muhammad Farris Bin Yusri	Wireless Engineer	Huawei Technologies	2014/2015
Mohamad Fattullah Bin Mohamad Ryeeshyam	Soc Validation	Intel Microelectronics Sdn Bhd	2014/2015
Syarifa Alhumaira Binti Mohd Abdul Wahab	Technical Engineer	OpenApps Sdn Bhd	2015/2016
Nur Amarlina binti Sabal Menanti	Test Engineer	MyTech & Assembly Sdn Bhd	2015/2016
Rawiyani Syazana Binti Roslan	Hardware Engineer	Analog Devices Sdn Bhd	2015/2016
Normi Diana Binti Hai Shah Hairi	Supplier Development Engineering Database Admin	ZF Automotive Malaysia Sdn Bhd	2015/2016



Alhamdulillah, berkat usaha dan kerja keras semua, terutamanya daripada staf Jabatan Pengajian Diploma, program DEN FKEKK telah berjaya memperoleh perakuan akreditasi oleh ETAC bagi tempoh enam (6) tahun, bermula dari tahun 2020 sehingga 2025. Pihak FKEKK ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Alumni DEN yang turut sama membantu pihak fakulti dalam menjayakan lawatan akreditasi program DEN FKEKK pada kali ini.

UCAPAN TAHNIAH ATAS KEJAYAAN MENERIMA PERAKUAN AKREDITASI BAGI PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN DAN SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN, UTeM

Translate message to: English | Never translate from: Malay

INFO UTeM
Tue 12/14/2021 2:27 PM

Assalamualaikum wrt. wbt dan Salam Sejahtera,
YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuah/Puan,
Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

TAHNIAH!

2. Sukacita dimaklumkan bahawa empat (4) program Diploma Kejuruteraan dan empat belas (14) program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan yang telah menjalani Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Secara Atas Talian (Virtual Accreditation Visit-VAV) oleh pihak Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) pada 19-20 Mei 2021, telah diberikan perakuan akreditasi oleh ETAC bagi tempoh enam (6) tahun. Program yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Program	Akreditasi (Tahun Graduat)
1	Diploma Kejuruteraan Elektronik	2020 - 2025
2	Diploma Kejuruteraan Elektrik	2020 - 2025
3	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	2020 - 2025
4	Diploma Kejuruteraan Pembuatan	2020 - 2025
5	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) Dengan Kepujian	2021 - 2026
6	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan Dan Penyamanan Udara)	2021 - 2026
7	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) Dengan Kepujian	2021 - 2026
8	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian	2021 - 2026





"Menurut Khairul Nabilah, Alumni-alumni FKEKK boleh dikatakan 'industry-ready graduate talent' kerana sepanjang pengajian mereka di FKEKK, mereka telah terlebih dahulu dibekalkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang sentiasa mengikut arus keperluan revolusi industri 4.0 (IR4.0)."



Khairul Nabilah



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA **Industry-Ready Graduate Talent**

Penulis: Ts. Dr. Muhammad Noorazlan Shah Bin Zainudin

Khairul Nabilah, yang juga merupakan Alumni FKEKK bagi program Diploma Kejuruteraan Elektronik, Ijazah Sarjana Muda (Kejuruteraan Komputer), dan Sarjana Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) menzahirkan rasa bangganya terhadap graduan-graduan yang telah dihasilkan oleh FKEKK. Menurut Khairul Nabilah, Alumni-alumni FKEKK boleh dikatakan 'industry-ready graduate talent' kerana sepanjang pengajian mereka di FKEKK, mereka telah terlebih dahulu dibekalkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran yang sentiasa mengikut arus keperluan revolusi industri 4.0 (IR4.0).

Khairul Nabilah yang kini merupakan Penyelaras Kualiti (Kejuruteraan Elektronik) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) juga merupakan seorang Alumni dari University of Manchester, United Kingdom.

Akademia Inspirasi 2021

PENULIS: TS. DR. MAIZATUL ALICE BINTI MEOR SAID

Bersempena Hari Akademia 2021, Jawatankuasa Alumni & Kebolehpasaran FKEKK telah menganjurkan satu aktiviti santai secara dalam talian yang diberi nama "Alumni FKEKK Mengenang Jasa". Di dalam program ini, pelajar dan Alumni FKEKK telah mengundi Pensyarah FKEKK pilihan mereka berdasarkan kepada beberapa kategori yang dipertandingkan. Pensyarah FKEKK dengan undian yang paling tinggi telah dinobatkan sebagai pemenang untuk setiap kategori yang dipertandingkan itu. Sebanyak 12 kategori telah dipertandingkan untuk program Alumni FKEKK Mengenang Jasa bagi tahun 2021. Jadual 2 memaparkan senarai 12 kategori yang dipertandingkan beserta nama pemenang.

Pemenang setiap kategori menerima sijil, mewakili penghargaan daripada pelajar dan Alumni FKEKK.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pemenang setiap kategori menerima sijil, mewakili penghargaan daripada pelajar dan Alumni FKEKK. Tempoh undian telah diadakan selama 2 minggu; bermula dari 20 September 2021 hingga 3 Oktober 2021. Pengumuman nama pemenang telah dilakukan pada 5 Oktober 2021 (pada sambutan Hari Akademia 2021 peringkat FKEKK).



Jadual 2

Kategori	Senarai Nama Pemenang
Pensyarah paling 'ceria'	Dr. Hazli Rafis Bin Abdul Rahim Dr. Farah Shahnaz Binti Feroz
Pensyarah paling 'serius'	Dr. Siva Kumar A/L Subramaniam Prof. Madya Dr. Maisarah Binti Abu
Pensyarah paling 'sporting'	Ir. Dr. Anas Bin Abdul Latiff Ir. Ts. Dr. Siti Aisyah Binti Anas
Pensyarah paling 'kelakar'	Ts. Dr. Faiz Bin Arith Pn. Hanissah Binti Mohamad @ Sulaiman
Pensyarah paling 'sopan'	Dr. Zul Atfy Fauzan Bin Mohammed Napiah Dr. Mawarni Binti Mohamed Yunus
Pensyarah paling 'komited'	Dr. Ahmad Sadhiqin Bin Mohd Isira Dr. Khoo Chin Foon
Pensyarah paling 'kreatif'	Ts. Dr. Muhammad Noorazlan Shah Bin Zainudin Ts. Dr. Mai Mariam Binti Mohamed Aminuddin
Pensyarah paling 'bergaya'	Prof. Madya Dr. Nurulfajar Bin Abd Manap Dr. Anis Suhaila Binti Mohd Zain
Pensyarah paling 'skema'	Prof. Madya Dr. Lim Kim Chuan Dr. Juvita Binti Mohd Sultan
Penyelia Projek paling 'sempoi'	Dr. Mohamad Harris Bin Misran Ts. Dr. Noor Badariah Binti Asan
Penasihat Akademik paling 'prihatin'	Prof. Madya Dr. Masrullizam Bin Mat Ibrahim Ts. Dr. Maizatul Alice Binti Meor Said
Hadiah utama 'Akademia Inspirasi 2021'	Dr. Hazli Rafis Bin Abdul Rahim Dr. Farah Shahnaz Binti Feroz.





Tahniah!

PhD in Health, Behavior and Society
DR. HAZLI RAFIS BIN ABDUL RAHIM
untuk
Akademia Inspirasi 2021
(Kategori Lelaki)

bersama
HARI AKADEMIKA 2021
Pertugas FKEKK
5-12 Oktober 2021



DR. HAZLI RAFIS BIN ABDUL RAHIM



Tahniah!

PhD in Health, Behavior and Society
DR. FARAH SHAHNAZ BINTI FEROUZ
untuk
Akademia Inspirasi 2021
(Kategori Wanita)

bersama
HARI AKADEMIKA 2021
Pertugas FKEKK
5-12 Oktober 2021



DR. FARAH SHAHNAZ BINTI FEROUZ

Imbas kod QR ini untuk
melihat semula video
pengumuman senarai
pemenang



BENGKEL BERSAMA PANEL PENASIHAT INDUSTRI (IAP), PEMERIKSA LUAR, DAN ALUMNI FKEKK

Penulis: Ts. Dr. Siti Fatimah Binti Sulaiman

Satu Bengkel Bersama Panel Penasihat Industri (IAP), Pemeriksa Luar, dan Alumni Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah berjaya dianjurkan secara dalam talian pada 17 dan 18 Disember 2021 yang lalu, bertempat di Bilik Mesyuarat 3, FKEKK. Seramai 29 orang peserta yang terdiri daripada IAP, Alumni FKEKK, dan juga staf FKEKK telah menyertai bengkel ini. Jadual 3 merupakan senarai IAP dan Alumni FKEKK yang terlibat sepanjang bengkel ini berlangsung.



Jadual 3

Senarai Nama IAP/Alumni FKEKK	Peranan	Organisasi
Dr. Fuaida binti Harun	Panel IAP	Infineon Technologies Malaysia Sdn. Bhd.
Ir. Rizaludin bin Kaspin	Panel IAP	Telekom Research & Development Sdn. Bhd.
En. Ming Soon Khung	Panel IAP	STMICROELECTRONICS Sdn. Bhd.
Ir. Ts. Lukman bin Iqbal	Panel IAP	Sapura Rail System
En. Zaimi bin Ahmad	Panel IAP	Institut Teknologi Petronas (INSTEP)
En. Zailani bin Mohd Nordin	Panel IAP	INTEL Product (M) Sdn. Bhd.
Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman	Panel IAP	Telekom Research & Development Sdn. Bhd.
En. Amiul Fikri bin Azme	Alumni BENG	Intel Technology Sdn. Bhd.
En. Eric Law Chee Yong	Alumni DEN	Keysight Technologies
Cik Quah Swee Liin	Alumni DEN	Embedded Product Solution

Tujuan utama penganjuran bengkel ini adalah bagi mendapatkan maklumbalas dan pandangan daripada semua peserta bengkel berkenaan dengan tindakan yang perlu diambil oleh fakulti untuk penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) di dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran berterusan bagi semua program di FKEKK. Selain itu, penganjuran bengkel ini juga adalah sebagai langkah memantapkan kurikulum program prasiswazah melalui pemurnian objektif program, hasil program, dan hasil pembelajaran bagi semua program di FKEKK supaya kandungan setiap kursus adalah relevan dengan kehendak Engineering Accreditation Council (EAC), Engineering Technology Accreditation Council (ETAC), Malaysian Qualifications Agency (MQA), dan melandasi revolusi industri serta pendidikan 4.0.



Kenali Alumni

FKEKK

PENULIS: TS. DR. SITI FATIMAH BINTI SULAIMAN



Mohd Syaiful Redzwan Mohd Shah (Dr.)

RFID Field Engineer (Victor Buck Services, Luxembourg)

Program di FKEKK: BENT (2007), MENA (2011)

Mohd Syaiful Redzwan merupakan seorang Jurutera RFID (RFID Field Engineer), berpangkalan di Luxembourg. Beliau telah memulakan kerjaya dalam industri elektronik sejak tahun 2008, iaitu sebaik sahaja tamat pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda (BENT) dari FKEKK, UTeM. Pada tahun 2019, beliau telah menerima Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Bioperubatan daripada Universiti Uppsala, Sweden.

Sepanjang dekad yang lalu, kerjaya beliau banyak tertumpu kepada pembangunan kaedah deria untuk gelombang mikro dan aplikasi perubatan. Kebanyakan pelanggan beliau adalah dari Eropah dan Asia. Dapat diringkaskan bahawa, kerjaya beliau sepanjang 5 tahun yang lalu meliputi subjek berikut: reka bentuk dan penilaian program pemeriksaan dan penyelenggaraan, pembangunan dan aplikasi model RF dan gelombang mikro, penyiasatan ke atas keberkesanan teknik dan teknologi untuk aplikasi RFID, dan pembangunan strategi serantau untuk elektronik bercetak.

Mohd Syaiful Redzwan juga telah menerbitkan beberapa artikel mengenai aplikasi RF dan gelombang mikro, selain telah banyak membentangkan artikel di beberapa simposium dan persidangan. Beliau juga telah berjaya menghasilkan dua paten untuk RF dan perkakasan penderia.



UTeM

اوتيم ستي تيكنيك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



NORMA BAHARU 'ST IOT CHALLENGE'

Penulis: Ts. Dr. Muhammad Noorazlan Shah Bin Zainudin



Bagi menyokong usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memberi pendedahan awal terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) kepada pelajar-pelajar sekolah, FKEKK dengan kerjasama STM Microelectronics Sdn. Bhd. telah mengambil inisiatif menganjurkan satu pertandingan inovasi, iaitu 'ST IoT Challenge 2020' secara norma baharu. Pertandingan ini telah dijalankan secara dalam talian, dengan mengambil kira risiko penularan wabak Covid-19. Antara syarat utama pertandingan adalah, semua projek yang dipertandingkan hendaklah dibangunkan menggunakan STM32F411RE Nucleo board dan IDW01M1 WiFi expansion board sebagai papan utama. Manakala lain-lain sensor dan penggerak (actuator) adalah dibenarkan bergantung kepada keperluan projek masing-masing.

Mentor projek pertandingan ini, yang juga merupakan pelajar FKEKK terlebih dahulu telah memberikan kelas teknikal secara maya kepada pelajar dan guru dari beberapa buah sekolah menengah di negeri Melaka dan di sekitar daerah Muar dan Tangkak, Johor. Empat tema telah dipertandingkan sepanjang pertandingan ini berlangsung, iaitu Smart Living, Smart Driving, Smart Things, dan Smart Industry. Setiap projek dinilai berdasarkan kepada beberapa kriteria yang telah ditetapkan seperti inovasi, kebolehfungsian, impak, dan persembahan.

Rakaman video

Imbas QR code ini untuk melihat semula video Majlis Penutup 'ST IoT Challenge 2020':





PROJEK PENANAMAN TERUNG FERTIGASI YOSHII-FKEKK21

Penulis: Ts. Dr. Muhammad Noorazlan Shah Bin Zainudin



Projek penanaman terung fertigasi Yoshii-FKEKK21 adalah salah satu inisiatif projek geran Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) yang dijalankan di antara Dr. Fakrulradzi Bin Idris, selaku Ketua Penyelidik geran PJP bersama Pengusaha Yoshii Agro Care, Encik Yoges. Tapak projek penanaman terung fertigasi ini menggunakan konsep Internet of Things (IoT) berskala kecil di ruang lantai Stesen Satelit Bumi di FKEKK. Di dalam projek ini, sebanyak 120 pokok terung yang ditanam di dalam beg poli diuji menggunakan sistem pertanian pintar IoT.

FAKTA

6.97 kg terung telah berjaya dituai selepas 42 hari projek ini bermula.

Menurut Dr. Fakrulradzi, penanaman terung secara fertigasi pintar ini diperkenalkan setelah mengambil kira faktor kos penanaman yang tinggi dan kesedaran terhadap teknologi terkini. Menurut beliau lagi, sejumlah 6.97 kg terung telah berjaya dituai selepas 42 hari projek ini bermula.

UTEM MEREALISASIKAN INISIATIF **PENJANA**

Penulis: Ts. Dr. Muhammad Noorazlan Shah Bin Zainudin



Setiap tahun, ribuan graduan daripada pelbagai bidang pengajian telah dihasilkan oleh institusi-institusi pengajian awam dan swasta di seluruh Malaysia. UTeM sendiri misalnya, telah berjaya melahirkan seramai 31,857 graduan, dari pelbagai peringkat pengajian sama ada di peringkat pra-siswazah mahupun pasca-siswazah. Dalam usaha untuk membantu para graduan mendapatkan pekerjaan, Universiti amnya serta Fakulti khususnya giat menawarkan beberapa program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia, di kenali sebagai PENJANA KPT-CAP. Dengan adanya program sebegini, para graduan atau alumni berpeluang untuk meningkatkan kemahiran serta mempunyai peluang yang cerah untuk mendapat penempatan pekerjaan setelah tamat menjalani setiap program yang disertai.

Melalui inisiatif PENJANA KPT-CAP ini, program reskilling dan upskilling akan turut dilaksanakan sebagai usaha membantu meningkatkan kemahiran dan kebolehan bagi melahirkan graduan berkeترampilan untuk memenuhi pasaran kerja yang bersesuaian. Setiap syarikat yang terlibat perlu mengemukakan Letter of Commitment (LOC) sebagai jaminan pekerjaan kepada para graduan yang menyertai program yang dianjurkan. Graduan yang terpilih untuk mengikuti kursus PENJANA KPT-CAP ini akan terus ditawarkan pekerjaan sebaik sahaja tamat program masing-masing dengan anggaran gaji ditetapkan sekitar RM2,000 hingga RM2,500.

Baru-baru ini juga, Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG) UTeM telah berjaya mendapatkan geran PENJANA KPT-CAP ini. Jadual 4 menunjukkan senarai program PENJANA KPT-CAP yang telah dianjurkan oleh UTeM.



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Jadual 4

Tajuk Program	Tarikh Program
Oracle Big Data Fundamentals	06 - 24 Sept 2021 (Kohort 1) 11 - 24 Sept 2021 (Kohort 2)
Oracle Java Se 8 Programming	06 Sept - 01 Okt 2021 (Kohort 1) 11 Sept - 01 Okt 2021 (Kohort 2)
Comptia NETWORK + PROGRAM	11 - 24 Sept 2021 (Kohort 1) 25 Sept - 08 Okt 2021 (Kohort 2)
Itil® 4 Foundation Certification	06 - 24 Sept 2021

Program yang telah dianjurkan sepenuhnya secara dalam talian ini juga telah mendapat kelulusan dari pihak Kementerian Kewangan Malaysia dan KPT.




Selain daripada program-program yang disenaraikan dalam Jadual 4, UTeM dengan kerjasama Institut Tun Perak turut menganjurkan satu program lain iaitu Latihan Keusahawanan dan Skim Pinjaman Mikro Kredit khusus untuk graduan anak Melaka atau mana-mana graduan yang sedang bermastautin di Melaka. Antara inisiatif PENJANA KPT-CAP@STATE ini adalah untuk membantu graduan anak Melaka bagi mendapatkan peluang pekerjaan menerusi agensi atau anak syarikat Kerajaan Negeri Melaka dan industri tempatan selepas mengikuti program ini.



VIRTUAL MINI INOTEK 2021

PENULIS: DR. NORBAYAH BINTI YUSOP

Virtual Mini Inotek 2021 di peringkat FKEKK telah berjaya dianjurkan pada 22 sehingga 26 Disember 2021, iaitu pada minggu ke-12 sesi perkuliahan secara dalam talian. Virtual Mini Inotek 2021 merupakan satu pertandingan inovasi yang melibatkan pelajar-pelajar tahun akhir dari program peringkat Ijazah Sarjana Muda di FKEKK. Di dalam pertandingan ini, video berkaitan projek inovasi pelajar telah dinilai oleh juri berpengalaman dari kalangan pihak industri dan ahli akademik yang telah dilantik sendiri oleh pihak FKEKK. Jadual 5 memaparkan senarai nama Alumni FKEKK yang terlibat sebagai juri semasa pertandingan berlangsung.



FKEKK
FACULTY OF ELECTRONIC AND COMPUTER TECHNOLOGY

Virtual Mini INOTEK

Submission deadline:
December 19, 2021
Evaluation period:
December 22-26, 2021

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
Jadual 5

Bil.	Nama	Kategori	Organisasi
1.	En. Vicknes Ratha Krishnan	Industri	ams Osram Singapore Pte Ltd
2.	En. Mohammed Algumaei	IPTA/IPTS/ Institusi Pembelajaran	Deakin University
3.	En. Zaimi Bin Ahmad	Industri	Institut Teknologi Petroleum Petronas (INSTEP)
4.	Ts. Dr. Amyrul Azuan Bin Mohd Bahar	Industri	Intel Microelectronics
5.	Ts. Muhammad Aliff Bin Hassan	Institusi Kerajaan	Jabatan Penyiaran Malaysia
6.	Ir. Ahmad Nizam Bin Isa	Institusi Kerajaan	Kementerian Kesihatan Malaysia
7.	Pn. Nadia Binti Awaludin	Syarikat Pautan Kerajaan	Malaysia Airports (Sepang) Sdn Bhd
8.	Pn. Wan Nurul Ain Binti Wan Mamat	Syarikat Pautan Kerajaan	Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB)

FAKTA

PERTANDINGAN

4 KATEGORI DIPERTANDINGKAN

Teknologi Baru Muncul (Emerging Technology)
Teknologi Interaksi Manusia (Human Interaction Technology)
Penuaian Tenaga (Energy Harvesting)
Kejuruteraan Sistem (System Engineering)

EMERGING TECHNOLOGY

1st place:
AMAL MUAZ BIN MOHD NASIR
 (Student)

PROF. DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN
 (Supervisor)

Analyse and Develop Saturable Absorber Film From Plant Leaf For Q-switched Fiber Laser Generation



EMERGING TECHNOLOGY

2nd place:
NUR AFIAH HANI BINTI SENIN
 (Student)

DR. MUHAMMAD IDZDIHAR IDRIS
 (Supervisor)

Role of NO as a Counter Electrode For Dye Sensitized Solar Cell

3rd place:
MIZA NABILAH BINTI HAIRRIZAMAN
 (Student)

DR. SITİ AMANİAH BINTI MOHD CHACHULI
 (Supervisor)

Titanium Dioxide Gas Sensor For Monitoring Carbon Dioxide with IoT



HUMAN INTERACTION TECHNOLOGY.

1st place:
SYAFIQ BIN ABDUL HALİM
 (Student)

IR. DR. SITİ AISYAH BINTI ANAS
 (Supervisor)

Play Electronic: Designing electronic STEM toy for improving children STEM skills



HUMAN INTERACTION TECHNOLOGY.

2nd place:
ALBERT TIONG GUO LEE
 (Student)

DR. ANIS SUHAİLA BINTI MOHD ZAIN
 (Supervisor)

IoT Based Detection of Harm Mercury Substance in Cosmetics

3rd place:
MALINI A/P MAHENDRAN
 (Student)

DR. NOOR BADARİAH BINTI ASAN
 (Supervisor)

Develop and characterisation of tissue-mimicking phantoms for biomedical application



Antara isi kandungan video yang dinilai adalah dari segi pendahuluan, penampilan penyampai, kefungsiian projek melalui demonstrasi yang dibuat oleh pelajar, kualiti dan kesukaran projek, dan akhir sekali adalah kesimpulan termasuk kelestarian, social, dan kesan alam sekitar. Terdapat empat kategori yang dipertandingkan iaitu Teknologi Baru Muncul (Emerging Technology), Teknologi Interaksi Manusia (Human Interaction Technology), Penuaian Tenaga (Energy Harvesting), dan Kejuruteraan Sistem (System Engineering). Pemenang bagi setiap kategori telah menerima sebuah sijil penghargaan dan wang tunai. Johan, Naib Johan, dan Tempat Ketiga untuk setiap kategori telah menerima wang tunai sebanyak RM 120, RM 100, dan RM 80. Manakala, bagi kategori Hadiah Keusahawanan, pemenang telah menerima wang tunai sebanyak RM 100. Pengumuman nama pemenang dibuat menerusi laman sesawang "Facebook".



ENERGY HARVESTING

2nd place:
MOHD KHAIRIL AZWAN BIN HAJI TUGIMAN
 (Student)
DR. KHAIRUN NISA BINTI KHAMIL
 (Supervisor)
 Evaluation of the Solar Thermoelectric Energy Harvesting of Subterranean level at asphalt pavement

3rd place:
WAN IRNE AIDA BINTI WAN MOHD NASIR
 (Student)
DR. ZUL ATFYI FAUZAN BIN MOHAMMED NAPIAH
 (Supervisor)
 Synthesis of NiO Quantum Dots for solar cell application

ENERGY HARVESTING

1st place:
CHAM YONG-JUN
 (Student)
MAZRAN BIN ESRO
 (Supervisor)
 AI based Flood prediction system

SYSTEM ENGINEERING

1st place:
EVELYN LARWY ANAK LINGGIE
 (Student)
MOHD SHAHRIL IZUAN BIN MOHD ZIN
 (Supervisor)
 Design and Analysis of IoT-based Condition Monitoring System for Predictive Maintenance in Manufacturing Industries

ENTREPRENEURSHIP AWARD

EVELYN LARWY ANAK LINGGIE
 (Student)
MOHD SHAHRIL IZUAN BIN MOHD ZIN
 (Supervisor)
 Design and Analysis of IoT-based Condition Monitoring System for Predictive Maintenance in Manufacturing Industries

SYSTEM ENGINEERING

2nd place:
MUHAMAD AMIRUL AMIN BIN WIRA
 (Student)
IR. DR. ANAS BIN ABDUL LATIFF
 (Supervisor)
 Automatic Self-Alignment Footing System for Rotating Shaft

3rd place:
NUR ADILAH BINTI SHAMSUDIN
 (Student)
IR. DR. RANJIT SINGH SARBAN SINGH
 (Supervisor)
 An Effective Low Cost IoT Based Water Quality Monitoring System River Application

Imbas QR code ini untuk melihat semula video pengumuman senarai pemenang:





TAHNIAH!

KONVOKESYEN UTEM KE-17

Penulis: Dr. Norazlina Binti Abd Razak

Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang ke-17 telah berlangsung dengan jayanya pada 14 - 17 Mac 2022, bersamaan 11 - 14 Syaaban 1443H yang lalu. Seperti kebiasaannya, Majlis Konvokesyen ini telah dilaksanakan di Dewan Canselor UTeM. Sepanjang Majlis Konvokesyen tersebut, seramai 3,275 graduan telah menerima sijil penganugerahan akademik masing-masing dari pelbagai peringkat dan bidang pengajian. Jadual 6 menunjukkan bilangan graduan UTeM pada Majlis Konvokesyen ke-17 berdasarkan kepada peringkat pengajian. Manakala, Jadual 7 pula menunjukkan bilangan graduan yang telah dihasilkan oleh FKEKK pada Majlis Konvokesyen ke-17 berdasarkan kepada program pengajian di FKEKK.

Jadual 6

Peringkat Pengajian	Bilangan Graduan UTeM
Ijazah Doktor Falsafah	63
Ijazah Sarjana	194
Ijazah Sarjana Muda	2,525
Diploma	493
Jumlah Graduan	3,275



Jadual 7

Program Pengajian	Bilangan Graduan FKEKK
Ijazah Doktor Falsafah	11
Ijazah Doktor Kejuruteraan	1
Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Elektronik	15
Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik	9
Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian	181
Diploma Kejuruteraan Elektronik	87
Jumlah Graduan FKEKK	304



Penganugerahan Hadiah Akademik untuk pelajar cemerlang turut disampaikan pada hari pertama Majlis Konvokesyen berlangsung. Jadual 8 memaparkan senarai penerima Hadiah Akademik dari FKEKK.

Jadual 8

Senarai Anugerah	Penerima
Anugerah Pelajaran Diraja	Wong Kok Jing (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian)
Hadiah Naib Canselor	Ong Chen Yan (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian)
	Farah Wahidah Binti Zubir (Diploma Kejuruteraan Elektronik)
Hadiah Industri	Mohammad Zulhakimi Bin Mahammad Noor (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian)
Anugerah Khas Industri (Anugerah Industri Infineon)	Mohammad Zulhakimi Bin Mahammad Noor (Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian)
Anugerah Khas Huffaz Professional	Muhammad Hafizuddin Bin Mansor Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian



Selain itu, Majlis Konvokesyen UTeM kali ke-17 ini juga menyaksikan penganugerahan ijazah secara Aegrotat dan Anumerta kepada empat orang penerima yang telah memenuhi syarat dan kriteria pengijazahan yang ditetapkan oleh Universiti. Pada masa yang sama, UTeM turut menganugerahkan Profesor Emeritus kepada YBhg. Datuk Ismail bin Hassan (gambar) sebagai tanda penghargaan atas segala sumbangan dan keilmuan yang telah dicurahkan kepada UTeM.



**Imbas QR code ini untuk melihat semula rakaman
sekitar Majlis Konvokesyen UTeM ke-17:**



MUHAMMAD HAFIZUDDIN DINOBAT SEBAGAI PENERIMA ANUGERAH KHAS HUFFAZ PROFESIONAL UTEM 2022

PENULIS: IR. TS. DR. ANUAR BIN JAAFAR



**SEKITAR MAJLIS
KONVOKESYEN UTEM
KE-17**

Muhammad Hafizuddin Bin Mansor, 24, mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi penerima sulung Anugerah Khas Huffaz Profesional pada Majlis Konvokesyen UTeM kali ke-17.

"MEMANG SAYA GEMBIRA MENERIMA ANUGERAH INI, NAMUN PADA MASA SAMA, SAYA SEBAK SEBAB UTEM PERKENALKAN PRODUK TAHFIZ DI UNIVERSITI TEKNIKAL. INI SATU PERUBAHAN YANG BAIK"

Graduan FKEKK, iaitu Muhammad Hafizuddin Bin Mansor, 24, mencatat sejarah tersendiri apabila menjadi penerima sulung Anugerah Khas Huffaz Profesional pada Majlis Konvokesyen UTeM kali ke-17. Anak jati Banting, Selangor itu menerima anugerah berkenaan yang telah disampaikan Canselor UTeM yang juga Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Mohd Rustam. Muhammad Hafizuddin berkata, perasaannya bercampur baur menerima anugerah yang julung kali diperkenalkan UTeM ini.

"Syukur dan terima kasih kepada semua kakitangan dan pensyarah, keluarga dan rakan yang sentiasa menyokong saya. Memang saya gembira menerima anugerah ini, namun pada masa sama, saya sebak sebab UTeM memperkenalkan produk tahfiz di universiti teknikal. Ini satu perubahan yang baik" katanya ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen UTeM kali ke-17 di Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal pada 14 Mac 2022 yang lalu.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian (BENG) itu berkata, pencapaiannya itu sekali gus menjayakan impian arwah bapanya, Mansor Selamat yang meninggal dunia akibat serangan jantung ketika berusia 48 tahun, tiga tahun lalu untuk melahirkan pelajar cemerlang tanpa mengetepikan ilmu akhirat.

"Namun, pesanan ayah agar saya mengejar kejayaan dunia dan akhirat menjadi kekuatan saya selain doa dan dorongan ibu, Siti Ruslindah Ri'pengah, 50," tambahnya lagi. "Ini salah satu inspirasi ayah saya untuk bawa akhirat dan dunia sekali. Insya-Allah. Saya mula belajar hafazan di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar (MITIB), Kuala Langat, Selangor sebelum menyambung pengajian di UTeM. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran UTeM-Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ini bermula sejak 2016/2017 dan saya antara 20 pelajar terpilih bagi sesi 2018/2019 daripada 60 pelajar menghadiri temuduga," katanya yang ditemani ibunya, Siti Ruslindah Ri'pengah, 50.

Terdahulu, anak sulung daripada empat beradik itu adalah antara 3,275 orang graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada istiadat Konvokesyen Ke-17 UTeM yang diadakan selama empat hari iaitu 14-

17 Mac 2022. Mengulas lanjut, Muhammad Hafizuddin berkata, kelas hafazan al-Quran diikutinya tidak mengganggu pengajian hakiki dan antara cabaran dihadapinya adalah kematian ayahnya ketika tahun pertama pengajian di universiti. "Sebagai pelajar persijilan tahfiz, waktu pagi sebelum kelas, ada kelas hafazan atau tasmik. Pada petang Selasa dan Khamis pula ada kelas untuk persijilan, jadi tidak ganggu kurikulum UTeM. Dari segi cabaran memang banyak, terutama apabila kehilangan ayah di tahun pertama pengajian dan saya baru hendak menduduki peperiksaan tahfiz, namun saya berjaya mengharungi dengan sokongan ibu, adik-beradik dan sahabat," katanya lagi.

Menurutnya, antara kunci kejayaannya sentiasa berdisiplin selain membaca al-Quran selepas Maghrib hingga Isyak, diikuti belajar secara berkumpulan dan menyiapkan tugas yang diberikan.



USRAH NURANI FKEKK 2.0

Penulis: Ts. Dr. Siti Fatimah Binti Sulaiman

*Alumni
Ramadhan*

USRAH NURANI FKEKK 2.0




Tajuk:

Alumni Ramadhan

Jumaat 29 April 2022

27 Ramadhan 1443H

2.45 pm - 4.30 pm



Secara dalam talian di MS Teams
<https://bit.ly/3K1nkr4>



NAQIB:



USTAZ LUOMAN
HAKIM BIN NOOR
AZMI

PENOLONG
PEGAWAI HAL
EHWAL ISLAM, UTeM

AHLI USRAH:



PROFESOR DATUK
TS. DR. SHAHRIN
BIN SAHIB @
SAHIBUDDIN

PENGERUSI
MUAFAKAT
PROFESSOR UTeM



TS. DR.
KHAIRUDDIN BIN
OSMAN

PENGARAH
PEJABAT PENOLONG
NAIB CANSOLOR
(JARINGAN INDUSTRI
& MASYARAKAT)




MUHAMMAD
HAFIZUDDIN BIN
MANSOR

ALUMNI FKEKK &
PENERIMA
ANUGERAH KHAS
HUFFAZ
PROFESIONAL
UTeM 2022

Program Usrah Nurani FKEKK 2.0 merupakan satu sesi perkongsian ilmu secara santai yang dirancang oleh Unit Pentadbiran, FKEKK bagi menerapkan kefahaman Islam yang berkait terus dengan alam pekerjaan. Inisiatif ini telah diambil bagi mencapai objektif yang telah digariskan demi melahirkan staf FKEKK yang perihatin, beriman, berilmu, beramal, dan bertaqwa seterusnya menjadi pemangkin kepada lahirnya masyarakat Islam yang cemerlang dan gemilang.



Menurut pendapat Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib @ Sahibuudin, Alumni Ramadhan membawa maksud seseorang individu yang telah selesai melalui bulan Ramadhan. Justeru, apabila selesai melalui bulan Ramadhan, seseorang Alumni Ramadhan itu seharusnya dapat membezakan antara perkara yang hak dan batil, juga perkara yang benar dan salah. Menurut beliau lagi, seseorang Alumni Ramadhan seharusnya bijak mengawal 7 peringkat nafsu, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Sepanjang program yang tersebut, panelis tidak berhenti-henti berkongsi dan bertukar-tukar pendapat mereka mengenai tajuk program, iaitu Alumni Ramadhan. Diharapkan, sesi perkongsian ilmu secara santai sebegini dapat meningkatkan dan memantapkan kefahaman ahli usrah tentang ajaran Islam yang syumul, mengukuhkan semangat Ukhuwah Islamiah yang telah lama atau baru terjalin serta memupuk semangat bertindak secara berjemaah (berkumpulan), dan dalam masa yang sama dapat melahirkan staf yang cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiah.

“

Saya bangga menjadi Alumni FKEKK!

”






اونیورسیتی تکنیکل ملیسیا ملاک
 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
 FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER

Apa kata Alumni FKEKK

“Saya menyedari bahawa teknologi telah memberikan impak yang sangat besar terhadap industri berasaskan elektronik. Atas faktor ini, saya telah mencabar diri saya untuk mengambil jurusan berasaskan elektronik (DEN, BENE) di FKEKK, UTeM. Sememangnya, pengalaman melanjutkan pengajian di FKEKK sangatlah luar biasa dan semestinya saya bangga menjadi Alumni FKEKK!”



Muhammad Syafiq Bin Zailani
Debug Engineer
(Ericsson Resource and Competence Center)
Program: DEN (2010-2012), BENE (2014-2017)

JK Alumni & Kebolehpasaran FKEKK

“Persekitaran pembelajaran di FKEKK adalah sangat hebat.”

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

FKEKK
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Apa kata Alumni FKEKK

“Dalam gaya hidup moden kini, semuanya tentang bandar dan rumah pintar, kecekapan dalam penggunaan tenaga & perlindungan keselamatan data, bermula dengan elektronik. Ceburkan diri anda dalam perkara ini, dan saya pasti anda akan dapat menyelamatkan masa depan anda. Saya mencadangkan anda untuk mengikuti pengajian di FKEKK, kerana bukan sahaja tentang kursus, malah persekitaran pembelajaran di FKEKK adalah sangat hebat dan telah menjadi satu daripada kenangan terhebat dalam hidup saya 😊.”

★★★★★

Ahmad Mubasyir Bin Abdul Ghafar
Project Engineer (M&E)
(Kejuruteraan Asastera Berhad)
Program: BENG (2016-2019)

JK Alumni & Kebolehpasaran FKEKK

“
Tiada "saya" tanpa FKEKK!
”



Apa kata Alumni FKEKK



FKEKK adalah permulaan tempat saya memupuk minat dalam kerjaya saya. FKEKK merupakan tempat yang sangat dicadangkan untuk menimba pengetahuan berkaitan aspek praktikal dalam bidang kejuruteraan elektronik, selain untuk membina semangat diri. Program di FKEKK telah direka untuk memenuhi keperluan industri. Persekitaran yang positif, sukatan pembelajaran yang komprehensif dan tenaga pengajar juga pakar dalam bidang masing-masing. Terima kasih FKEKK. Tiada "saya" tanpa FKEKK!"



Dr. Amyrul Azuan Bin Mohd Bahar
Hardware Platform Application Engineer
(Intel Microelectronics Sdn Bhd)

Program: BENW (2010-2014), PhD (2014-2017)

JK Alumni & Kebolehpasaran FKEKK

“FKEKK sentiasa cakna dengan keperluan industri.”



Apa kata Alumni FKEKK

“FKEKK sentiasa cakna dengan keperluan industri. Ini menjadi satu kelebihan kepada pelajar mengikuti proses pembelajaran dan pengajaran mengikut arus keperluan revolusi industri 4.0. Hasilnya dapat kita lihat daripada alumni-alumni FKEKK yang dikatakan *'industry-ready graduate talent'*.”



Dr. Khairul Nabilah Binti Zainul Ariffin
Quality Coordinator (Electronic Engineering)
(Universiti Sains Islam Malaysia)

*Program: DEN (2006-2009), BENC (2009-2012),
 MENT (2012-2013)*

JK Alumni & Kebolehpasaran FKEKK

Salam Takziah



AHMAD SAYUTHI BIN MOHAMAD SHOKRI (Alumni BENC, batch 2002-2006)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Siti Fatimah Sulaiman

Admin · December 2, 2020 · 🌐

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tanggal 2 Disember 2020 (Rabu), kita telah menerima satu khabar duka.

Buat pengetahuan semua, FKEKK baru sahaja kehilangan seorang Alumni yang berbakat besar. Allahyarham Mohd Hasrul Ariff Bin Saidin (gambar), Alumni BENE (batch 2004 - 2008) telah pergi selamanya menghadap penciptanya. Sama-sama kita sedekahkan Al-Fatihah buat sahabat kita, Allahyarham Mohd Hasrul Ariff Bin Saidin. Marilah kita doakan juga moga Allahyarham ditempatkan di kalangan hambaNya yang beriman dan beramal soleh.

Aamin, ya Rabbal Alamin....

Buat keluarga Allahyarham Mohd Hasrul Ariff Bin Saidin, moga terus kuat dan tabah dengan ujian dariNya ini.



MOHD HASRUL ARIFF BIN SAIDIN (Alumni BENE, batch 2004 - 2008)



Pusat Pengurusan Alumni & Kebolehpasaran Graduan
Pejabat Penolong Naib Canselor Jaringan Industri & Masyarakat

Join

ALUMNI MENYUMBANG

Serendah RM10.00 setiap bulan

**PROGRAM PENSIJILAN TAHFIZ AL-QURAN UTeM
DENGAN KERJASAMA DARUL QURAN JAKIM
(6 Semester/3 Tahun)**

DANA AKTIVITI AKADEMIK

**Pelajar Tahfiz AL-Quran UTeM
Tabung Pensijilan Tahfiz UTeM**


BANK ISLAM 04015010048886

atas nama UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bukti sumbangan boleh dihantar kepada
En. Mahathir bin Mazizan
Email : mahathir.mazizan@utem.edu.my
Pihak Bendahari UTeM akan keluaran Resit Rasmi Derma selaras dengan Keperluan dibawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi
Dr. Radzuan bin Nordin (0124782249)
Dr. Mahadi Abu Hassan (0126872161)
Dr. Nooraini binti Sulaiman (0196557127)
Dr. Shahrulanuar bin Mohamed (0136302634)
Ustaz Hj. Ismail Ibrahim (0123400227)

Program Pensijilan Tahfiz UTeM
AMQAR UTeM





ALUMNI FKEKK, UTeM

UTeM

اونيوورسيٲى ٲيٲيكنيٲيكل ماليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA